

10 NOV 1999

Pilihan raya-Samy

BN AKAN MENANG MUDAH, KATA SAMY VELU

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu malam ini berkata Barisan Nasional (BN) akan menang mudah dalam pilihan raya umum akan datang berdasarkan rekod dan kepimpinannya yang cemerlang.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengadakan pilihan raya umum itu bagi memimpin rakyat Malaysia memasuki alaf baru sebagai sebuah negara yang maju.

"Dr Mahathir akan mengemudi negara ke abad dan alaf berikutnya bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang sangat maju dan negara membangun yang memandang ke hadapan," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di Toronto, Canada.

Samy Vellu berkata beliau akan segera pulang ke tanah air. Beliau berada di Canada untuk menghadiri Persidangan Sistem Pengangkutan Pintar Dunia.

Presiden MIC itu turut mengetepikan percubaan pembangkang mengambil alih negara, dan berkata mereka didalangi perasaan "cemburu yang amat sangat".

"Mereka tidak mempunyai dasar yang sama seperti BN dan tidak mempunyai sebarang matlamat untuk negara," katanya.

Beliau berkata parti-parti pembangkang tidak menghormati manifesto mereka sendiri jika dibandingkan dengan parti-parti komponen BN yang berdiri teguh di belakang Dr Mahathir untuk sekali lagi memimpin negara.

Samy Vellu juga berkata penduduk India yang menganggotai parti-parti pembangkang juga tidak bersatu dan menyifatkan mereka sebagai "elemen mencari kuasa yang tidak tahu keperluan masyarakat India."

"MIC bersedia menghadapi mereka dalam pilihan raya ini," katanya.

Samy Vellu berkata beliau juga akan memanggil mesyuarat tergepar Jawatankuasa Kerja Pusat parti untuk membincangkan persediaan MIC menghadapi pilihan raya.

Beliau berkata senarai nama calon MIC akan diumumkan selepas Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, memberikan kelulusannya.

-- BERNAMA

ES NAK